

PERSIDANGAN SERANTAU SAINS DAN TEKNOLOGI KEADAAN PEPEJAL MALAYSIA YANG KE-25 (RCSST2009)



Tahun 2009 juga menjadi tahun yang amat bermakna apabila Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Institut Kejuruteraan Nano Elektronik dipilih oleh Malaysia Solid State Science & Technology (MASS) sebagai penganjur Persidangan Serantau Sains dan Teknologi Keadaan Pepejal Malaysia yang ke-25 (RCSST2009).

Persidangan yang berlangsung pada 21 hingga 23 Disember 2009 di Bayview Beach Resort, Pulau Pinang itu merupakan aktiviti tahunan MASS yang mengumpulkan pakar-pakar dari dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang Sains dan Teknologi Keadaan Pepejal. Persidangan ini dilihat sebagai platform untuk mereka berkongsi hasil penyelidikan masing-masing yang mana satu jaringan pakar-pakar tempatan dan pakar-pakar dari luar negara akan terbentuk sekaligus dapat membantu mereka memperkembangkan lagi penyelidikan masing-masing di masa akan datang. Persidangan ini di sertai oleh seramai 236 penyelidik-penyelidik dari IPTA, IPTS dan agensi-agensi penyelidikan dalam dan luar negara. Antara penceramah jemputan ketika persidangan ialah Prof Dr. Karl Kohlhof dari Cologne University of Applied Science (CUAS) Jerman dengan tajuk pembentangan 'Stepping From The Micro Into The Nano World'.

Turut menjadi pembentang ialah , Prof Dr Shamin Ahmad dari UniMAP , Prof Dr Harith Ahmad dari Universiti Malaya dengan tajuk pembentangan 'Advances in Optical Fibre Amplifiers' , Prof Dr Sidek Aziz dari Universiti Putra Malaysia dengan tajuk pembentangan 'Elastic Properties of Glass Based Materials Studied Via Ultrasonic System'. Tidak ketinggalan, dua pembentang dari University of Singapore iaitu Prof Dr Yuan Ping Feng dengan tajuk pembentangan 'Magnetic Semiconductor Without Magnetic Elements' dan Prof Dr Andrew Wee dengan tajuk pembentangan 'Epitaxial Grapheme : Growth, Structure and Molecular Interactions'. Kemuncak persidangan ini ialah



majlis makan malam yang di adakan pada 22 Disember diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UniMAP, Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Profesor Dr. Kamarudin Hussin. Pada majlis makan malam tersebut, UniMAP dan MIMOS Bhd. telah memeterai satu memorandum perjanjian bagi membolehkan jalinan kerjasama penyelidikan dijalankan antara penyelidik dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dengan MIMOS Bhd. UniMAP diwakili oleh Dato' Prof. Dr. Kamarudin sendiri manakala MIMOS Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Abdul Wahab Abdullah. Projek kerjasama yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini ialah berhubung kajian 'Low Drop-Out Regulator Integrated Circuit (IC) For Power Management Product'. Bagi penyelidikan ini, Dekan, PPK Mikroelektronik, Prof. Madya Dr. Johari Adnan telah dilantik sebagai Ketua Penyelidik bagi pihak UniMAP manakala MIMOS Bhd. telah melantik Encik David Khor Tark Wei selaku Pengarah Projek dan En Thiagesh K. Lingam selaku Pengurus Projek.

Naib Canselor UniMAP., Brig. Jen. Dato Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, skop penyelidikan ini membabitkan dua fasa iaitu rekabentuk IC dan fabrikasi. UniMAP akan bertanggungjawab menjalankan pembangunan rekabentuk IC bagi fasa pertama sebelum pihak MIMOS mengambil alih projek dengan menjalankan pembangunan penyelidikan fasa kedua iaitu fabrikasi. "Pembahagian ini dibuat berikutan kami di UniMAP mempunyai kepakaran dalam bidang rekabentuk IC dan percaya MIMOS Bhd. mempunyai kepakaran yang tinggi dalam aspek Fabrikasi Wafer, dan besarlah harapan kami agar projek ini mampu direalisasikan," katanya.

Tambah beliau, jangkamasa yang dicadangkan untuk projek ini adalah selama 5 bulan (Disember 2009 hingga April 2010). Pihak MIMOS akan membiayai sepenuhnya kos fabrikasi yang akan dilaksanakan nanti.

